



## MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan. Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan kongsi pendapat anda dengan kami dari semasa ke semasa.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia.

**02.12.2022**

### ❖ Penglibatan pemegang saham yang bermakna

Pengilang pembungkusan plastik fleksibel (*flexible plastic packaging*, FPP) Scientex Packaging (Ayer Keroh) Berhad (SPAK, sebelum ini dikenali sebagai Daibochi Berhad) akan mengadakan mesyuarat agung tahunan (AGM) ke-49 pada hari Rabu, 7 Disember. SPAK akan membentangkan 14 resolusi untuk diluluskan oleh pemegang saham dalam mesyuarat yang diadakan secara maya itu.

Dalam Notis AGM bertarikh 8 November, SPAK menyatakan bahawa ia telah menerima permintaan daripada pemegang saham utamanya iaitu Apollo Asia Fund Limited, supaya dua resolusi (Resolusi 13 dan 14) dipertimbangkan dan diundi pada AGM menurut Seksyen 323 Akta Syarikat 2016.

Resolusi yang dicadangkan ialah:

- Bahawa Syarikat perlu komited untuk menerima pakai amalan terbaik yang disyorkan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (*Malaysian Code of Corporate Governance*, MCCG), Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Malaysia dan panduan kawal selia yang lain agar dapat membuat persediaan awal pada peringkat tertinggi, supaya apa-apa penyimpangan/ sisihan dapat dijelaskan sepenuhnya dalam laporan tahunan dan mesyuarat agung pada masa hadapan; dan
- Bahawa Syarikat akan meneruskan amalan taklimat suku tahunan oleh pengurusan kanan, terbuka kepada penyertaan interaktif oleh semua pemegang saham dan penganalisis pelaburan.

Resolusi sedemikian jarang dilihat dalam kalangan syarikat awam tersenarai (*public limited companies*, PLC). Rasional untuk mencadangkan resolusi sedemikian memberikan gambaran bahawa SPAK dituntut supaya menegakkan amalan tadbir urus korporat (*corporate governance*, CG) terbaik dan meneruskan penglibatan dalam dialog yang bermakna dengan komuniti pelabur.

Ketika menjelaskan pendirian pengundiannya dan cadangan dua resolusi itu, Apollo Asia Fund menyatakan bahawa menerima pakai amalan tadbir urus korporat terbaik

dan melaksanakan taklimat suku tahunan pelabur akan “memulihkan keyakinan pelabur” (diakses di: <https://www.apolloinvestment.com/F221128.htm> ).

Di samping itu, beberapa pemegang saham minoriti telah menyuarakan rasa tidak puas hati mereka kepada MSWG disebabkan kekurangan aktiviti penglibatan pemegang saham oleh SPAK.

Merujuk kepada bahan pembentangan korporat yang tersedia di laman sesawang korporat SPAK (diakses di <https://scientexpackagingak.com.my/presentations/> ), Syarikat tidak mengadakan sebarang sesi taklimat pelabur pada tahun kewangan 2022. Ia pernah mengadakan taklimat keputusan suku tahunan bersama pelabur sehingga tahun kewangan 2021.

Pengilang FPP yang beribu pejabat di Melaka itu ialah anak syarikat Scientex Berhad. Scientex memegang 71.89% kepentingan ekuiti dalam SPAK. Selain itu, Apollo Asia Fund dan Samarang Asian Prosperity Fund masing-masing memegang 10.3% dan 5.4% kepentingan dalam SPAK.

Penglibatan pemegang saham adalah komponen penting dalam pengurusan pihak berkepentingan. Syarikat perlu menggalakkan penglibatan dengan pemegang saham secara berterusan berbanding hanya pada AGM yang diadakan setahun sekali. Komunikasi yang berterusan dan berkesan dengan pemegang saham memupuk ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi serta meningkatkan keyakinan terhadap syarikat. Ia juga membolehkan pemegang saham memahami syarikat dengan lebih baik dan membuat keputusan pelaburan termaklum.

Kami menggesa pemegang saham minoriti supaya mengambil bahagian secara aktif dalam AGM dan mengundi dengan bijak terhadap resolusi yang dicadangkan.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 5 hingga 9 Disember 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara / Isu penting untuk diketengahkan</b>
YTL Power International Berhad (AGM)	1. Walaupun segmen air dan pembetulan menyaksikan peningkatan dalam pendapatan segmen daripada RM3,778.1 juta pada tahun kewangan 2021 kepada RM4,109.5 juta bagi tahun kewangan 2022, keuntungan segmen merosot daripada RM493.8 juta setahun lalu kepada RM378.0 juta pada tahun kewangan dalam tinjauan, terutamanya disebabkan oleh kenaikan faedah

	<p>ke atas bon berhubung indeks dan obligasi alam sekitar. Dengan persekitaran inflasi semasa yang tinggi dan kadar faedah yang meningkat di United Kingdom, ditambah akibat daripada konflik Ukraine-Rusia, apakah prospek bagi segmen air dan pembedungan pada masa hadapan?</p> <p>2. Apakah yang menyebabkan lonjakan dalam perbelanjaan operasi lain daripada RM155.775 juta pada tahun kewangan 2021 kepada RM652.496 juta pada tahun kewangan 2022? Sila berikan pecahan komponen utama perbelanjaan lain bagi tahun kewangan 2021 dan tahun kewangan 2022.</p>
Revenue Group Berhad (AGM)	<p>Baru-baru ini, Kumpulan telah mendapatkan sebuah lagi bank terkemuka sebagai rakan kongsi utamanya, yang akan memanfaatkan infrastruktur revPAY proprietari Kumpulan untuk mesin tangkapan data elektronik (<i>electronic data capture</i>, EDC) dan platform dagangan elektronik (<i>electronic trading platform</i>, ETP) (halaman 31, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Sejauh manakah Kumpulan mengharapkan bank yang baharu diperoleh ini, sebagai rakan kongsi utamanya, untuk menyumbang kepada segmen EDC Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 2023?</p>
Dagang Nexchange Berhad (AGM)	<p>Prosiding timbang tara terhadap Mimastronic Technologies Company Limited ("MIMAS") telah bermula berhubung cadangan pelaburan dalam kumpulan syarikat DNeX. MIMAS berpendirian bahawa kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ("MITI") adalah tidak diperlukan dan menegaskan bahawa perjanjian langganan dan perjanjian pemegang saham bertarikh 21 Januari 2022 adalah sah dan boleh dikuatkuasakan. Kumpulan DneX pula sedang cuba mendapatkan pelepasan yang diperlukan untuk menjadikan perjanjian tersebut diisytiharkan batal dan tidak sah. (Pengumuman Bursa bertarikh 17 November 2022)</p> <p>a) Bagaimanakah dan sejauh manakah pertikaian ini menjejaskan hubungan Kumpulan dengan rakan kongsinya di China?</p> <p>b) Berapakah anggaran tempoh untuk prosiding timbang tara ini berlangsung dan selesai?</p>
YTL Corporation Berhad (AGM)	<p>Berapakah jumlah buku pesanan pembinaan yang tertunggak pada 30 Jun 2022? Apakah projek-projek pembinaan utama dalam tangan? Memandangkan pembinaan projek landasan elektrik berkembar Gemas - Johor Bahru, salah satu projek pembinaan terbesar yang dilaksanakan oleh kumpulan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, berada pada penghujungnya, bagaimanakah kumpulan berhasrat untuk menambah buku pesanannya dalam segmen pembinaan?</p>

<p>MESB Berhad (AGM)</p>	<p>Tabiat berbelanja dan keputusan pembelian pengguna banyak dipengaruhi oleh saluran komunikasi baharu terutamanya media sosial, penstriman video dan ulasan rakan sebaya. Kesan kesetiaan jenama adalah penting kepada segmen peruncitan kerana ia mewujudkan keutamaan jenama dalam minda pelanggan (halaman 8, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Bagaimanakah Kumpulan akan memanfaatkan media sosial dan pemasaran digital bagi meningkatkan kesedaran jenama? Berapakah jumlah pelaburan Kumpulan dalam pemasaran digital? Adakah Kumpulan bekerjasama dengan mana-mana Peneraju Pendapat Utama (<i>Key Opinion Leaders, KOLs</i>) dan mempengaruhi sosial?</p>
<p>MESB Berhad (EGM)</p>	<p>Aset bersih teragregat bagi tahun kewangan berakhir 2022 yang belum diaudit Syarikat yang Diperoleh ialah RM6.2 juta dan Pertimbangan Pembelian ialah RM51 juta. Ini bermakna, nisbah harga kepada nilai buku (<i>price to book ratio, PBR</i>) adalah sebanyak 8.2 kali. Sebagai perbandingan, PBR bagi Syarikat Sebanding terpilih, iaitu Analabs Resources Berhad dan Muda Holdings Berhad masing-masing adalah 0.49 kali dan 0.41 kali, berdasarkan aset bersih sesaham dan harga penutup terkini (setakat 25 November 2022). Pendekatan penilaian PBR tidak diguna pakai atau disebut dalam penilaian Syarikat yang Diperoleh. Walau bagaimanapun, mengikut standard umum, PBR sebanyak 8.2 kali adalah dianggap tinggi terutama dalam sektor/ industri Syarikat yang Diperoleh.</p> <p>Apakah pandangan Lembaga Pengarah tentang pemerolehan sebuah syarikat dengan PBR yang tinggi?</p>
<p>Malayan Cement Berhad (AGM)</p>	<p>Lembaga Pengarah MCEMENT tidak menerima pakai atau mencadangkan dasar dividen yang tertentu. Walau bagaimanapun, para Pengarah berhasrat untuk mencadangkan pembayaran dividen tunai pada asas tahunan, jika boleh, tertakluk kepada pendapatan masa hadapan dan keadaan kewangan MCEMENT dan faktor lain, termasuk kedudukan keuntungan dan aliran tunai Kumpulan MCEMENT, sekatan yang dikenakan oleh undang-undang atau di bawah kemudahan kredit ke atas pembayaran dividen oleh ahli Kumpulan MCB dan ketersediaan dana (halaman 19, Laporan Tahunan tahun kewangan 2022).</p> <p>Apakah halangan utama yang perlu diatasi oleh kumpulan supaya dapat meneruskan pembayaran dividen?</p>
<p>Reneuco Berhad (dahulunya dikenali sebagai Kpower Berhad) (AGM)</p>	<p>Buku pesanan Kumpulan melebihi RM1 bilion pada tahun kewangan 2021. Bagaimanapun, aktiviti berkaitan pembinaan mencatatkan penyusutan pendapatan sebanyak 67% kepada RM118.32 juta pada tahun kewangan 2022. (Halaman 41 dan 46, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Apakah sebab penurunan pendapatan walaupun mempunyai buku pesanan yang kukuh?</p>

	<p>b) Berapakah buku pesanan yang tertunggak pada 30 Jun 2022?</p> <p>c) Apakah sasaran penambahan buku pesanan Kumpulan bagi tahun kewangan 2023?</p>
Scientex Packaging (Ayer Keroh) Berhad (AGM)	<p>SPAK berhasrat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi dua resolusi (Resolusi 13 dan 14) yang berkaitan penerapan amalan tadbir urus korporat terbaik dan memulakan semula taklimat pelabur setiap suku tahunan pada AGM yang akan datang.</p> <p>Penerapan amalan tadbir urus korporat terbaik dan taklimat pelabur suku tahunan adalah mengikut budi bicara Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan.</p> <p>Apakah maksud resolusi ini kepada pemegang saham sekiranya ia diluluskan oleh pemegang saham? Adakah Lembaga komited dengan tegas untuk melaksanakan langkah-langkah di atas?</p> <p>Mengapakah SPAK berhenti mengadakan taklimat pelabur suku tahunan sejak tahun kewangan 2021?</p>
Supermax Corporation Berhad (AGM)	<p>Apakah yang telah dan sedang dilakukan oleh syarikat berkaitan Perintah Pelepasan Penahanan (<i>Withhold Release Order, WRO</i>) yang dikenakan oleh Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat ke atas Supermax dan anak-anak syarikatnya pada Oktober 2021? Bilakah syarikat menjangkakan isu ini dapat diselesaikan?</p>
Gamuda Berhad (AGM)	<p>Gamuda mempunyai buku pesanan pembinaan yang tertinggi sepanjang masa berjumlah RM15 bilion merentasi Australia, Taiwan, Singapura dan Malaysia, serta jualan hartanah belum dibilkan di Malaysia dan Luar Negara berjumlah RM6.2 bilion (Halaman 30, Laporan Bersepadu 2022).</p> <p>a) Berapa lamakah buku pesanan berjumlah RM15 bilion ini dapat bertahan?</p> <p>b) Apakah penambahan buku pesanan yang disasarkan di seluruh Australia, Taiwan, Singapura dan Malaysia dalam dua tahun kewangan akan datang?</p>
MK Land Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan kerugian daripada penamatan projek pembangunan bersama berjumlah RM69.03 juta pada tahun kewangan 2022. Kerugian ini tiada pada tahun kewangan 2021. (Halaman 74, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Mengapakah Kumpulan menamatkan projek pembangunan bersama yang mengakibatkan kerugian besar sebanyak RM69.03 juta?</p>

	<p>b) Siapakah rakan kongsi projek pembangunan bersama ini?</p> <p>c) Adakah Kumpulan telah membuat kajian kebolehlaksanaan ke atas projek pembangunan ini? Jika ada, dimanakah silapnya?</p> <p>d) Adakah Kumpulan mengambil apa-apa tindakan terhadap rakan kongsi projek pembangunan bersama itu?</p> <p>e) Apakah peringkat penyediaan projek pembangunan bersama itu?</p>
<p>PLS Plantation Berhad (AGM)</p>	<p>Pada 30 Jun 2022, jumlah kawasan bertanam Kumpulan ialah 10,275 hektar. Jumlah jualan tandan buah segar (<i>fresh fruit bunch</i>, FFB) jatuh pada tahun kewangan 2022 disebabkan kekurangan pekerja penuaian. Pengeluaran sepatutnya pulih apabila pekerja ladang masuk pada penghujung suku kedua atau awal suku ketiga tahun kewangan 2023 (halaman 13 dan 14, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Berapakah purata umur pokok sawit Kumpulan pada 30 Jun 2022?</p> <p>b) Apakah tahap produktiviti buruh Kumpulan dari segi nisbah liputan tanah kepada buruh pada tahun kewangan 2022?</p> <p>c) Berapakah jumlah pekerja penuaian yang diperlukan? Berapa ramai pekerja penuaian yang anda jangkakan untuk diambil bekerja dalam tempoh beberapa bulan akan datang?</p> <p>d) Apakah jangkaan pertumbuhan pengeluaran tandan buah segar pada tahun kewangan 2023?</p>
<p>Fintec Global Berhad (AGM)</p>	<p>Bagi tahun kewangan 2022, Fintec mencatatkan pendapatan berjumlah RM19.26 juta dan rugi bersih berjumlah RM86.95 juta. Kerugian ini sebahagian besarnya disebabkan oleh sekuriti boleh pasar yang dinilai kepada pasaran semasa sebanyak RM63.8 juta dan kerugian rosot nilai ke atas penghutang dagangan dan penghutang lain serta pelaburan dalam saham tidak disebut harga masing-masing berjumlah RM4.8 juta dan RM6.9 juta.</p> <p>a) Keberuntungan Fintec bergantung pada nilai pasaran sekuriti yang dipegangnya. Sebaliknya, ini berkait rapat dengan sejauh mana pasaran berpandangan positif terhadap syarikat penerima pelaburan. Secara amnya, syarikat yang mempunyai potensi pertumbuhan dan prospek yang positif cenderung dipandang baik oleh pelabur.</p> <p>Bagaimanapun, kebanyakan syarikat pelaburan Fintec tidak menunjukkan prestasi yang baik dari segi kewangan,</p>

	<p>yang mana sesetengah syarikat ini mencatatkan kerugian selama bertahun-tahun. Oleh yang demikian, pasaran mungkin tidak menilai saham ini secara positif.</p> <p>Bagaimanakah pelaburan dalam saham yang merugikan ini dapat mewujudkan nilai yang mampan untuk Syarikat dan pemegang saham?</p> <p>b) Fintec mencatatkan rugi sebelum cukai berjumlah RM313.7 juta bagi tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2021, yang dikaitkan dengan kerugian nilai saksama ke atas sekuriti boleh pasar sebanyak RM292.6 juta.</p> <p>Memandangkan pelaburan Fintec sentiasa mengalami kerugian nilai saksama yang ketara, adakah Syarikat perlu memikirkan semula strategi dan objektif pelaburan untuk perniagaan Pelaburan Portfolio?</p> <p>c) Pada tahun kewangan 2022, Fintec telah melupuskan keseluruhan kepentingannya dalam Mlabs Systems Berhad, Vsolar Group Berhad, AT Systematization Berhad dan Saudee Group Berhad.</p> <p>Apakah kadar pulangan dan tempoh pelaburan ini? Apakah punca kerugian daripada pelaburan, jika ada?</p>
<p>Scientex Berhad (AGM)</p>	<p>Walaupun mencatatkan penguncupan yang kecil sebanyak 1.2% dalam volum jualan kepada 277,270 tan metrik (<i>metric tonne</i>, MT) daripada 280,660 MT pada tahun sebelumnya, pendapatan bahagian pembungkusan Scientex mencatatkan peningkatan sebanyak 14.8% kepada RM2.86 bilion berbanding RM2.49 bilion pada tahun kewangan 2021, sebahagian besarnya berpunca daripada harga jualan purata yang lebih tinggi dan permintaan yang kukuh daripada pelanggan.</p> <p>Bagaimanapun, kesan daripada peningkatan harga jualan purata ini terjejas teruk oleh gangguan rantai bekalan, peningkatan kos pengangkutan dan bahan mentah serta kekurangan buruh yang serius di seluruh dunia.</p> <p>a) Adakah pendapatan bahagian pembungkusan dijangka akan didorong oleh inflasi tolakan kos atau faktor pertumbuhan volum pada masa hadapan? Sementara itu, dengan adanya tanda-tanda penurunan harga bahan mentah dan kos pengangkutan, berapa lamakah ia dijangka dapat memulihkan margin keuntungan?</p> <p>b) Apakah kadar penggunaan semasa bagi kilang Scientex mengikut kawasan geografi? Sejauh manakah tahap keseriusan isu kekurangan buruh asing yang dihadapi oleh Scientex? Adakah permintaan Scientex untuk mendapatkan buruh asing telah dipenuhi? Apakah peningkatan kadar penggunaan kilang apabila buruh asing mulai kembali secara beransur-ansur?</p>

<p>Kluang Rubber Company (Malaya) Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan melaporkan rugi daripada operasi bagi tahun kewangan 2022 sebanyak RM1.22 juta berbanding untung daripada operasi sebanyak RM43.16 juta pada tahun kewangan 2021. Penyumbang utama kerugian ini termasuklah kerugian pertukaran asing sebanyak RM13.48 juta (tahun kewangan 2021: keuntungan pertukaran asing RM8.88 juta) dan kerugian nilai saksama daripada pelaburan sebanyak RM16.19 juta (tahun kewangan 2021: keuntungan nilai saksama daripada pelaburan sebanyak RM11.95 juta). (Halaman 19 dan 79, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Kumpulan juga memegang tunai dan kesetaraan tunai dalam mata wang asing, yang mana baki mata wang asing tersebut berjumlah RM221.34 juta (tahun kewangan 2021: RM213.62 juta). (Nota 33(c) halaman 143 Laporan Tahunan 2022)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Apakah pecahan pegangan tunai Kumpulan dalam mata wang asing?</li> <li>ii. Memandangkan mata wang Dolar Amerika Syarikat ("USD") dan Dolar Singapura ("SGD") telah mengukuh dengan ketara pada tahun tersebut kecuali Pound Sterling British ("GBP"), apakah yang menyebabkan jumlah kerugian pertukaran asing yang besar sebanyak RM13.48 juta?</li> <li>iii. Adakah terdapat sebarang langkah yang perlu diambil untuk meminimumkan kerugian pertukaran mata wang asing ini pada masa hadapan?</li> </ul> <p>b) Pelaburan Kumpulan yang manakah yang menyumbang kepada kerugian nilai saksama ke atas pelaburan sebanyak RM16.19 juta?</p>
<p>Vsolar Group Berhad (AGM)</p>	<p>Walaupun pendapatan meningkat, Kumpulan mencatatkan untung kasar berjumlah RM0.27 juta, mewakili penyusutan sebanyak RM0.84 juta atau 75.5% berbanding tahun kewangan berakhir 2021 iaitu sebanyak RM1.11 juta. Ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh peningkatan kos yang ditanggung dalam pembaikan dan penyelenggaraan ladang solar serta margin yang lebih rendah daripada segmen perniagaan perdagangan (Halaman 13, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Pada tahun kewangan berakhir 2022, Kumpulan merekodkan margin untung kasar sebanyak 2.63% berbanding margin untung kasar sebanyak 14.32% yang direkodkan pada tahun kewangan berakhir 2021 (Halaman 11, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Bagaimanakah Kumpulan berhasrat untuk mengurus tahap untung kasar yang sebahagian besarnya dipengaruhi oleh faktor-faktor yang dinyatakan di atas?</p>



	<p>b) Bagaimanakah Kumpulan dapat meningkatkan margin untung kasar? Apakah prospek untuk margin untung kasar bagi tahun kewangan 2023?</p>
Ekovest Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan berakhir 2022, kos kewangan Kumpulan yang berjumlah RM220,489,000 (tahun kewangan berakhir 2021: RM216,720,000) kekal sebagai komponen kos dan perbelanjaan kedua tertinggi selepas kos jualan (Halaman 66, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Adakah Kumpulan menjangkakan kos kewangan akan kekal pada tahap yang sama atau lebih tinggi dalam beberapa tahun akan datang? Sejauh manakah kenaikan kadar faedah memberi kesan terhadap keuntungan Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2023? Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk mengurus kos kewangan yang tinggi?</p>
Technodex Berhad (AGM)	<p>Berdasarkan penilaian rosot nilai oleh pihak pengurusan, kerugian rosot nilai ke atas kos pelaburan dalam aplikasi, sokongan, perkhidmatan serta perkakasan dan syarikat subsidiari e-dagang sebanyak RM8.54 juta (2021: RM1.07 juta) dan RM4.18 juta (2021: Tiada) masing-masing telah diiktiraf pada tahun kewangan dalam tinjauan. (Nota 8, halaman 89, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Syarikat subsidiari manakah yang berkaitan dengan rosot nilai tersebut?</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam kerugian rosot nilai ke atas kos pelaburan dalam aplikasi, sokongan, perkhidmatan serta perkakasan dan syarikat subsidiari e-dagang?</p>
TWL Holdings Berhad (AGM)	<p>Syarikat mengumumkan pada 11 Oktober 2021 bahawa ia telah memuktamadkan penerbitan hak dengan waran dan berjaya memperoleh RM44.06 juta.</p> <p>Daripada terimaan yang diperoleh, Syarikat telah memperuntukkan RM11.17 juta untuk membayar balik pinjaman dalam tempoh 6 bulan dari jangka masa yang dicadangkan untuk digunakan. (Halaman 64, Laporan Tahunan)</p> <p>Syarikat hanya membayar RM0.615 juta daripada jumlah terimaan dan baki RM10.56 juta masih belum dijelaskan. (Halaman 64, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Mengapakah Syarikat tidak membayar balik pinjaman dalam tempoh masa yang telah ditetapkan?</p> <p>b) Berapakah kos faedah yang perlu dibayar oleh Syarikat akibat kelewatan membayar balik pinjaman setakat 30 November?</p> <p>c) Bilakah Syarikat berhasrat untuk membayar balik baki RM10.56 juta?</p>

--	--

### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

---

### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

---

### PENOLAKAN TUNTUTAN

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*